

# Ahli2 UMNO digesa elakkan perpecahan sesama sendiri

IPOH, Isnin. — Ahli-ahli UMNO diingatkan jangan menimbulkan krisis dan perpecahan sesama sendiri kerana mencari sokongan dan pengaruh menjelang pilihanraya umum akan datang.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh juga mengingatkan mereka supaya jangan menghasut mana-mana ahli bagi mendapatkan sokongan untuk menjadi calon.

**K e a d a a n** sedemikian rupa, tambahnya akan lebih dirasai menjelang pemilihan Jawatankuasa Bahagian bermula pertengahan tahun depan.

Keadaan ini tidak dapat dinafikan terutama bagi mereka yang begitu berhasrat untuk menjadi calon dan setengah mungkin berpendapat peluang itu akan hanya tercapai dengan menjawat sesuatu jawatan tinggi dalam Bahagian.

## Kesempatan

Menteri Besar yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak berkata demikian di majlis makan malam menyambut perayaan ulang-tahun ke 20 UMNO yang dianjurkan oleh UMNO Bahagian Teluk Anson di Teluk Intan semalam.

Walaupun ada setengah pihak begitu sibuk hendak menjadi calon atau merebut sebarang jawatan penting, tetapi biarlah keadaan itu berjalan mengikut proses demokrasi tanpa mengugut atau menjejaskan kepentingan mana-mana pihak.

"Kita tidak mahu UMNO berpecah dan membuka peluang kepada anasir-anasir luar mengambil kesempatan mempengaruhi ahli-ahli parti kerana salah parti kerana salah

UMNO, katanya perlu dipelihara oleh setiap ahli untuk menjamin perpaduan Orang-orang Melayu.

Menteri Besar menegaskan Orang-orang Melayu perlulah meninggalkan parti terutama pembangkang yang berjuang tanpa mempunyai konsep positif.

Kesejahteraan yang sentiasa wujud di negara yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi ini jelas membuktikan kewibawaan parti yang mendokong cita-cita Kerajaan.



● DATUK SERI WAN MOHAMED

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia